

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN PENINGKATAN ELAUN PAKAR PERUBATAN
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk meningkatkan elaun pakar dalam perkhidmatan awam di Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Elaun pakar merupakan satu ganjaran yang khas untuk doktor-doktor pakar yang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan. Jumlah yang diterima adalah amat kurang sekiranya di bandingkan dengan beban tugas sebenar semasa berkhidmat sebagai seorang doktor.
- 2.2 Cadangan untuk meningkat elaun pakar telah dikemukakan kepada majlis ini beberapa kali tetapi tidak begitu berjaya.

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Oleh kerana rawatan dan perkhidmatan perubatan adalah amat kritikal, dan amat khusus adalah amat mustahil untuk mengkekalkan jumlah doktor dalam perkhidmatan kerajaan tanpa peningkatan pendapatan yang munasabah.
- 3.2 Elaun Pakar memberi insentif kepada doktor-doktor pakar untuk berkhidmat dengan lebih gigih lagi dan mengurangkan penghijarahan ke sektor swasta
- 3.3 Langkah ini akan meningkatkan lagi jumlah pendapatan seorang doktor pakar yang berkhidmat. Ini adalah satu cara untuk mengelakkan tuntutan daripada pihak-pihak professional yang lain oleh kerana elaun ini adalah khas untuk doktor sahaja.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbangkan permohonan ini sudah pasti ianya akan melibatkan pertambahan kewangan. Walaubagaimanapun, ini akan merupakan satu cara untuk mengurangkan doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan untuk berhijrah ke perkhidmatan kesihatan swasta atau institut pengajian tinggi swasta.

- 4.2 Peningkatan kewanganan kepada negara tidak begitu tinggi dan ini secara langsung akan memberi ganjaran yang lebih kepada doktor-doktor pakar kerajaan.

5.0 KESIMPULAN

- 5.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan memberi lebih ganjaran dan insentif untuk pakar-pakar tempatan untuk berkhidmat sebagai pegawai kerajaan.

6.0 SYOR

- 6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk menimbaangkan syor untuk meningkatkan elauan pakar dalam perkhidmatan awam di Kementerian Kesihatan Malaysia.

LAMPIRAN 1

Tangga	Tahun Perkhidmatan		Elaun Pakar Kini (RM)	Elaun Pakar yang Dicadangkan (RM)
U41	5		1,300	1,300
U41	10		1,300	2,000

U44	5		1,400	1,500
U44	10		1,400	2,250

U48	5		1,700	1,750
U48	10		1,700	2,500
U48	15		1,700	3,250
U48	20		1,700	4,000

U52	5		1,800	2,000
U52	10		1,800	2,750
U52	15		1,800	3,500
U54	15		2,200	3,750

U54	20		2,200	4,500
U54	25		2,200	5,250

JUSA C dan atas	20		2,400	5,000
JUSA C dan atas	25		2,400	5,750

SYOR/CADANGAN

Oleh yang demikian kami mencadangkan supaya elaun pakar ditambahkan kepada jumlah yang dikira seperti di bawah:

JAWATAN

JUMLAH YANG DICADANGKAN

U41 RM500-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)

U44 RM750-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)

U48 RM1000-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)

U52 RM1250-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)

U54 RM1500-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)

Gred Khas C dan atas RM2000-00 + (RM150 x Jumlah tahun di dalam perkhidmatan)

(Angka 150 berdasarkan dari pro-rata tambahan gaji tahunan U41, U44 dan U54 iaitu RM75-00, RM130 dan RM180-29).